

Rujukan Kami : JPNS.SPP 700-1/1/4/1 Jld.3 (01)
Tarikh : 28 Februari 2013

Semua Calon Persendirian / Perseorangan SPMU

Tuan,

**PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA ULANGAN (SPMU) JUN TAHUN 2013
ARAHAN PENDAFTARAN**

Tarikh Buka Pendaftaran : 01 Mac 2013
Tarikh Tutup : 31 Mac 2013
Tarikh Tutup Atas Talian : 15 April 2013
Tarikh Peperiksaan Matematik : 11 Jun 2013
Tarikh Peperiksaan Bahasa Melayu : 12 Jun 2013
Tarikh Ujian Lisan Bahasa Melayu : 17 Jun hingga 19 Jun 2013

***Calon tidak wajib melaksanakan ULKCP sekiranya calon mengulang dalam tempoh tiga tahun (2010 hingga 2012) dari tarikh akhir menduduki peperiksaan SPM atau SPM (U) dan LULUS Bahasa Melayu**

***Calon pekak dan bisu dikecualikan daripada melaksanakan ULKCP tanpa memohon kelulusan daripada Pengarah Peperiksaan.**

***Mana-mana calon yang GAGAL mata pelajaran BAHASA MELAYU, diwajibkan mengambil semula mata pelajaran tersebut bagi membolehkan calon mengambil mata pelajaran Matematik.**

2. Borang Pendaftaran dan Dokumen Peraturan dan Panduan peperiksaan SPM 2013 boleh didapati di laman web: <http://www.moe.gov.my/jpnselangor>. Calon perlu mengisi borang pendaftaran di laman web berikut: <http://apps.moe.gov.my/spmu/daftar> untuk melengkapkan pendaftaran secara atas talian, **kata laluan akan diberi kepada calon setelah pembayaran selesai dilakukan di kaunter Sektor Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pelajaran Selangor.**

3. Bersama-sama ini, disertakan dokumen berikut:

- 3.1 Senarai Semak Calon (JPS/SPP-22 (Pin. 3/2013)
- 3.2 Borang Daftar (LP/SPM(U) 1 Pin. 1/2012)
- 3.3 Panduan mengisi borang
- 3.4 Akuan Penerimaan Borang Pendaftaran dan Bayaran (LP/SPP-01 (Pin. 2/2013)
- 3.5 Senarai pusat peperiksaan

4. Bayaran pendaftaran mestilah dibuat dalam bentuk Kiriman Wang atau Bank Draf atas nama “ **PENGARAH PELAJARAN SELANGOR**”.

5. Penyerahan borang pendaftaran hendaklah disertakan perkara berikut:

- 5.1 Borang Daftar LP/SPM (U) 1 Pin. 1/2012
- 5.2 Kiriman Wang / Bank Draf atas nama
- 5.3 salinan sijil SPM/SPM(V)/SC/FMC atau SAP/GCE yang **terkini dan lama**.
- 5.4 Salinan Kad Pengenalan
- 5.5 **Satu (1)** keping Sampul Surat Berdaftar **LENGKAP dengan NAMA dan BERALAMAT SENDIRI** (RM 2.70 sekeping sampul).
- 5.6 **Satu (1)** keping Sampul Surat Putih berukuran 23 cm x 16 cm, **LENGKAP Dengan NAMA dan BERALAMAT SENDIRI serta bersetem RM 1.00**
- 5.7 **Satu (3)** keping Sampul Surat Putih berukuran 24 cm x 11 cm, **LENGKAP Dengan NAMA dan BERALAMAT SENDIRI serta bersetem RM 0.80**

6. Borang Pendaftaran yang dihantar secara **POS** akan **DITOLAK**. Calon dinasihatkan berurusan terus dengan jabatan ini, sebelum tarikh tutup pendaftaran.

7. Sekiranya ada sebarang pertanyaan sila hubungi, pihak Jabatan Pelajaran Selangor ditalian 03-55186112/6120.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(HAJI MAHMUD BIN KARIM)

Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Selangor